

# **BAB II**

## BAB II

### PROGRAM KAFA DI KANGAR, PERLIS

#### 2.1 PENGENALAN

Dalam Bab II ini, penulis membicarakan tentang isi kandungan program KAFA di Kangar, Perlis, setelah menyentuh pengertian program tersebut dan objektifnya dalam Bab I yang lepas.

Untuk itu, penulis membahaskan perkara-perkara utama yang berkaitan dengan program tersebut, termasuk sejarah penubuhannya di Kangar, Perlis. Maklumat ini dibahaskan bagi menerangkan secara terperinci, program KAFA yang dilaksanakan di lokasi kajian.

#### 2.2 SEJARAH PENUBUHAN KAFA

Sebelum penubuhan KAFA di Kangar, kelas-kelas agama berupa kelas-kelas al-Quran telah pun beroperasi di bawah kelolaan dan pembiayaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).<sup>87</sup> Kelas-kelas tersebut berlangsung selama lima hari seminggu dan hanya tertumpu kepada pengajian al-Quran tanpa

<sup>87</sup> MAIPs atau singkatan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis merupakan Badan Tertinggi Pembuat Dasar Berkaitan Hal Ehwal Islam Negeri Perlis. MAIPs telah ditubuhkan pada 14 Syawal 1383H bersamaan 27 Februari 1964M di bawah undang-undang tubuh Negeri 1963 (pindaan) Fasal 6(1). Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail adalah Yang Dipertua MAIPs dengan dibantu oleh ahli-ahlinya yang dilantik DYMM. Sila lihat: <http://www.perlis.gov.my/jaip/MAIPs.htm>, 30 September 1999.

melibatkan pengajian fardu ain. Elaun yang diberikan bagi kelas-kelas tersebut adalah sebanyak RM120.00 sebulan.<sup>88</sup>

Idea mewujudkan KAFA ini bermula dengan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, dalam mesyuaratnya kali ke 15 pada 14 Oktober 1986, telah memutuskan supaya kelas-kelas pengajian al-Quran dan Fardu ain bagi kanak-kanak disusun dan dilaksanakan secara terancang di seluruh negara.<sup>89</sup>

Berikutan dengan itu, satu kertas kerja telah disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia (BAHEIS) dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia (JKHEAI) kali ke 18 pada 17 Januari 1989, di mana rancangan penubuhan Kelas al-Quran dan Fardu ain (KAFA) telah dipersetujui.<sup>90</sup>

Dasar pelaksanaan KAFA, sebagaimana yang diputuskan oleh JKHEAI dan direstui oleh Kabinet, perlu dilaksanakan oleh negeri-negeri, manakala Kerajaan Persekutuan bertindak menyediakan peruntukan kewangan secukupnya.<sup>91</sup>

<sup>88</sup> Temubual bersama Encik Aminuddin b. Mohammad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan, JAIPs dan Bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIPs, pada 30 Jun 2003.

<sup>89</sup> Mesyuarat Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke 25 (1998), "Kertas Makluman Program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)". (Laporan Mesyuarat, Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), h.1.

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> Dasar dan Halatuju KAFA Menghadapi Alaf Baru (1999), (Kertas Kerja Ijtimak Pengurusan KAFA Peringkat Kebangsaan, di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Disember 1999), h. 1.

Akhirnya pada awal Jun 1990, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, telah melancarkan rancangan KAFA di seluruh negara dengan hasrat mewujudkan satu sistem kelas Pengajian al-Quran dan Fardu ain (KAFA) yang kemas dan seragam.<sup>92</sup>

Sehubungan itu, BAHEIS telah mengarahkan agar unit KAFA ditubuhkan serentak dengan pembukaan Akaun Amanah KAFA di Bank Islam, Kangar, Perlis. Pembukaan Akaun Amanah KAFA ini bertujuan untuk memudahkan urusan penyaluran wang peruntukan dari pusat. Mandat juga diberikan pada waktu yang sama oleh BAHEIS untuk unit KAFA di Kangar ini melantik para penyelia dan gurunya.<sup>93</sup>

Buku Garis Panduan Perlaksanaan KAFA (dari segi jangka masa KAFA setiap minggu bersama sukanan mata pelajaran yang bakal diajar), turut disediakan oleh pihak pusat (BAHEIS) bagi menyeragamkan perjalanan program KAFA di Malaysia amnya dan di Kangar, Perlis khasnya. Di samping itu, elauan para guru KAFA sebanyak RM288.00 bagi 24 jam sebulan (6 jam setiap minggu) turut diselaraskan, pada peringkat awal penubuhannya.<sup>94</sup>

Pada peringkat ini juga, guru-guru al-Quran anjuran MAIPs diserapkan secara sedikit demi sedikit ke dalam program KAFA, bergantung kepada kemahiran mereka dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) KAFA. Oleh itu, guru-guru terlatih yang merupakan lepasan Maktab Perguruan, diberikan

<sup>92</sup> Kertas Kerja Pelaksanaan KAFA Negeri Perlis (1998), *op. cit.*, h. 2.

<sup>93</sup> Temubual bersama En. Aminuddin b. Mohammad, *op. cit.*

<sup>94</sup> *Ibid.*

keutamaan pada masa itu. Perjalanan KAFA ketika itu pula, hanya beroperasi di sekolah-sekolah terpilih yang dinamakan “Sekolah Contoh KAFA” dengan jumlah kelas yang terhad.<sup>95</sup>

Pada tahun 1991, KAFA mula beroperasi di masjid-masjid, surau-surau dan dewan orang ramai dan seluruh guru al-Quran anjuran MAIPs telah diserapkan sepenuhnya ke dalam program ini.<sup>96</sup>

Pada peringkat awal penubuhan KAFA juga, pengurusan program ini diletakkan di bawah Unit Ukhluwwah, Bahagian Dakwah, JAIPs.<sup>97</sup> Ini memandangkan kepada peranan Unit Ukhluwwah ini yang menguruskan kelas-kelas al-Quran di samping menguruskan kebajikan saudara-saudara baru di Perlis. Oleh itu, KAFA di letakkan di bawah unit ini disebabkan kaitannya dengan kelas al-Quran.<sup>98</sup>

Pada peringkat ini juga, pengemaskinian borang-borang berkaitan KAFA dan pemurnian sukatan mata pelajarannya dilakukan dari masa ke semasa oleh pihak Cawangan Penyelaras dan Pembangunan Pendidikan Islam, BAHEIS, JPM, Kuala Lumpur, dengan dipengerusikan oleh Encik Wan Bakar bin Wan Dagang selaku Ketua Penolong Pengarah (KPP) cawangan tersebut.<sup>99</sup>

---

<sup>95</sup> *Ibid.*

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> Bahagian Dakwah JAIPs mempunyai tiga unit iaitu; Unit Kariah, Unit Dakwah dan Unit Ukhluwwah. Sila rujuk, Temubual bersama En. Aminuddin b. Mohammad, *op. cit.*

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> Temubual bersama Tuan Hj. Bahador b. Hj. Ayob, Bekas Ketua Penyelia KAFA, Unit KAFA, JAIPs, pada 30 Jun 2003.

Tuan Haji Bahador bin Haji Ayob yang merupakan salah seorang pegawai penyelia KAFA yang terawal di Kangar dan pernah terlibat dengan pemurnian sukanan mata pelajaran KAFA ketika itu, mengakui bahawa pada peringkat ini, buku *Iqra'* yang merupakan buku sukanan bagi mata pelajaran al-Quran, turut dialih bahaskan dari Bahasa Indonesia ke Bahasa Malaysia bagi memudahkan murid-murid membacanya.<sup>100</sup>

Pada tahun 1995, setelah program KAFA bertapak selama lima tahun di Kangar, maka Unit KAFA, JAIPs, Kangar, telah mengadakan perjumpaan dengan semua guru besar di negeri Perlis, bagi menjelaskan kepentingan program KAFA kepada murid-murid, lalu KAFA telah beroperasi sepenuhnya di negeri Perlis dan Kangar khususnya pada tahun tersebut.<sup>101</sup>

Unit KAFA telah ditempatkan di Bahagian Dakwah, JAIPs, selama lapan tahun dan akhirnya telah diletakkan di Bahagian Pendidikan, JAIPs, pada tahun 1998 disebabkan hubungan yang lebih ketara dengan program pendidikan Islam. Maka bermula dari saat itu hingga sekarang, Unit KAFA diletakkan di Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perlis.<sup>102</sup>

Begitulah sejarah penubuhan KAFA di Perlis, dan di Kangar khususnya, yang mana program ini meneruskan kelangsungan kelas-kelas pengajian al-Quran kelolaan MAIPs yang telah sedia ada, bahkan ditambah pula dengan pengajian fardu ain.

---

<sup>100</sup> *Ibid.*

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> Temubual bersama Encik Aminuddin b. Mohammad, *op. cit.*

## **2.3 FALSAFAH KAFA**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, telah menggariskan falsafah KAFA seperti berikut:-

“Pengajian Al-Quran dan Fardhu ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan muslim yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah yang kuat iman dan amalnya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam”.<sup>103</sup>

Penyataan falsafah tersebut dengan ini menjelaskan bahawa:-<sup>104</sup>

- 2.3.1 Pengajian al-Quran dan fardu ain merupakan satu program pembelajaran yang berterusan bagi setiap muslim.
- 2.3.2 Pembentukan fitrah individu hendaklah berdasarkan kepada ajaran al-Quran dan fardu ain.
- 2.3.3 Melalui pembelajaran al-Quran dan fardu ain, pelajar akan terdidik dengan didikan yang disarankan oleh al-Quran dan Sunah.
- 2.3.4 Insan yang terdidik dengan didikan al-Quran dan Sunah, akan menjadi insan yang kuat iman dan ketaqwaannya kepada Allah.
- 2.3.5 Insan yang terdidik dengan didikan al-Quran dan Sunah, akan menjadi insan yang menghayati akhlak dan cara hidup Islam.

Kesimpulannya, falsafah program KAFA adalah; melahirkan muslim atau mukmin yang sentiasa menghayati dan mengamalkan ajaran Islam serta mempunyai

---

<sup>103</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 3-4.

<sup>104</sup> *Ibid.*

ketahanan diri, emosi dan rohani dalam merealisasi kehidupan yang bahagia di dunia dan hidup sejahtera lagi abadi di akhirat.<sup>105</sup>

## 2.4 KURIKULUM KAFA

### 2.4.1 Kurikulum KAFA

Kelas-kelas KAFA di Kangar, diwajibkan menggunakan kurikulum atau sukatan mata pelajaran KAFA yang disediakan oleh JAKIM.<sup>106</sup> Kurikulum KAFA dirancang bagi memenuhi tujuan untuk memantap dan memperkuuhkan pengajian al-Quran dan fardu ain di kalangan anak-anak Islam yang berumur 7-12 tahun.<sup>107</sup>

Asas pendidikan dan kemahiran dalam kurikulum KAFA, ditumpukan kepada kebolehan dan kemahiran membaca al-Quran, menghafaz ayat-ayat serta memahami maksud kalimah atau ayat-ayat tertentu dalam al-Quran. Ia termasuk pengamalan dan penghayatan perkara-perkara fardu ain dalam Islam merangkumi perkara-perkara akidah, ibadat dan akhlak.<sup>108</sup>

Kurikulum KAFA yang digunakan Kangar, Perlis merupakan kurikulum yang dikeluarkan oleh JAKIM, di mana ia mengambil kira semua aspek keperluan semasa dalam pendidikan Islam untuk kanak-kanak 7-12 tahun.<sup>109</sup>

---

<sup>105</sup> *Ibid.*

<sup>106</sup> Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

<sup>107</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 1-2.

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> Strategi dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran KAFA (t.t.), Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM, h. 2.

Kurikulum ini juga dibina hasil pengubahsuaian daripada kurikulum pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan juga kurikulum-kurikulum pengajian Islam anjuran Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan juga pertubuhan-pertubuhan Islam.<sup>110</sup>

Kurikulum Pengajian KAFA mempunyai isi kandungannya yang tersendiri, seperti mana yang digariskan oleh Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur dengan kerjasama JAIPs. Terdapat enam subjek dalam kurikulum KAFA iaitu:<sup>111</sup>

- i. Asas Tilawah al-Quran
- ii. Asas ‘Ulūm al-Syarī’ah
- iii. Asas Akhlak Islam
- iv. Sirah Rasulullah
- v. Asas *al-Lughah al-‘Arabiyyah*
- vi. Asas Jawi dan Khat

Sukatan Pelajaran bagi Pengajian Kelas al-Quran dan Fardu Ain (merangkumi enam subjek yang dinyatakan di atas) secara ringkas, bagi seluruh tahap murid-murid program tersebut dapat dilihat dalam Lampiran 3.

---

<sup>110</sup> *Ibid.*

<sup>111</sup> Sukatan Pelajaran Pengajian Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), Kuala Lumpur: Cawangan Penyelaras dan Pembangunan Pendidikan Islam, BAHEIS, JPM, dengan kerjasama JAIPs.

## **2.4.2 Objektif Kurikulum KAFA**

Cawangan PPPI, JPM yang menggubal kurikulum KAFA, telah menggariskan beberapa objektif yang ingin dicapai terhadap murid-muridnya, melalui kurikulum tersebut iaitu:-<sup>112</sup>

- 2.4.2.1 Boleh membaca al-Quran dengan baik dan khatam membacanya.
- 2.4.2.2 Boleh memahami dan mempraktikkan asas-asas hukum tajwid.
- 2.4.2.3 Boleh menghafaz ayat-ayat/surah-surah tertentu daripada al-Quran.
- 2.4.2.4 Boleh memahami secara umum, maksud kalimah-kalimah dan kandungan ayat-ayat/surah-surah tertentu daripada al-Quran.
- 2.4.2.5 Boleh memahami dan yakin dengan akidah Islam melalui Rukun Iman dan Rukun Islam.
- 2.4.2.6 Boleh memahami dan mempraktikkan ibadat-ibadat khusus dan ibadat-ibadat umum yang lain dalam Islam.
- 2.4.2.7 Boleh menghayati akhlak dan cara hidup Islam berpandukan al-Quran dan Sunah serta ulama-ulama Islam.
- 2.4.2.8 Boleh menguasai asas-asas pertuturan Bahasa Arab.
- 2.4.2.9 Boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik.

Ringkasnya, objektif kurikulum KAFA adalah selaras dan bertepatan dengan objektif KAFA secara amnya seperti yang telah dijelaskan pada Bab I yang lepas.

---

<sup>112</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 4 -5.

## 2.5 KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) KAFA

### 2.5.1 Kaedah P&P al-Quran

#### 2.5.1.1 Pendekatan Pengajaran al-Quran

Pendekatan adalah mendekatkan sesuatu dalam bidang pendidikan dan setiap pendekatan itu hendaklah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Bagaimana ia dikuasai dan diperolehi, bagaimana ia difahami dan di mana ia disimpan. Sebagai contoh, ketika mengajar satu-satu pelajaran, guru hendaklah membina suatu pendekatan supaya senang diterima oleh murid di mana pendekatan tentang isi pelajaran. Dari sini, murid-murid akan senang memahami sesuatu isi pelajaran.<sup>113</sup>

Terdapat banyak pendekatan untuk membolehkan pelajar-pelajar membaca atau mengenal al-Quran. Pendekatan pengajaran mengikut kaedah *Baghdādī* adalah satu cara tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Islam. Pendekatan ini mengkehendaki pelajar-pelajar dapat mengeja dan membunyikan huruf, suku kata dan kalimah yang dieja.<sup>114</sup>

Di zaman mutakhir ini, muncul pendekatan baru dalam pengajaran dan pelajaran al-Quran, yang mana ia lebih mementingkan kecepatan dan kemahiran. Justeru, lahirlah pelbagai kaedah terkini dalam mengajar dan mempelajari al-Quran. Antara kaedah yang termasyhur dan tersebar luas di rantau Asia Tenggara ini ialah kaedah *Igra'*. Kaedah baru ini telah diperkenalkan oleh As'ad Humām pada tahun 1988 di Indonesia dan mendapat sambutan yang hangat di negara-negara jirannya

<sup>113</sup> Ahmad Mohamad Salleh ( 1997), *op. cit.*, h. 183-184.

<sup>114</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 8.

termasuk Malaysia, terutama sekali pada tahun 1992. Pendekatan ini lebih menekankan kepada membunyikan huruf, suku kata huruf dan kalimah tanpa perlu mengeja.<sup>115</sup>

Ada juga pengajaran menggunakan pendekatan menghafaz dan mengenal. Ada pula pengajaran al-Quran bermula daripada menulis, menghafaz dan mengenal. Apa-apa pendekatan atau kaedah, boleh digunakan di dalam pengajaran al-Quran. Cuma pendekatan mana yang cepat dan mudah bagi pelajar-pelajar menguasai kemahiran al-Quran adalah wajar dipraktikkan.<sup>116</sup>

Setiap pendekatan atau kaedah ada kelebihannya dan mampu mencapai matlamat yang diharapkan iaitu pelajar-pelajar boleh mengenal dan membaca al-Quran. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah bagaimana guru mempraktikkan kaedah atau pendekatan tersebut. Di sinilah perlunya guru yang cekap, mahir dan berkebolehan, khususnya dalam pengajaran al-Quran.<sup>117</sup>

#### **2.5.1.2      Kaedah P&P al-Quran Dalam KAFA**

Ada empat tahap yang dikehendaki dalam kaedah P&P al-Quran, KAFA untuk setiap guru mengikutinya. Tahap-tahap tersebut adalah seperti di dalam Jadual 2.1.

---

<sup>115</sup> Tuan Hj. Mohamad Alwi Yusoff, Dr. Adel Muhamad Abdulaziz dan Ustaz Ahmad Kamel Mohamad (2003), "Keberkesanan Kaedah *Iqra'* Dalam Pengajaran al-Quran", (*Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan* di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pada 17 Mei 2003), h. 3.

<sup>116</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 8-9.

<sup>117</sup> *Ibid.*

### Jadual 2.1: Tahap-tahap P&P al-Quran Dalam KAFA

Tahap	Kaedah
Tahap I	Pelajar-pelajar membunyikan dan menyebut huruf, suku kata kalimah dan kalimah ayat yang tunggal.
Tahap II	Pelajar-pelajar menyebut atau membaca kalimah-kalimah ayat bersambung yang senang, sederhana dan sukar.
Tahap III	Pelajar-pelajar membaca kalimah-kalimah ayat bersambung yang mempunyai hukum-hukum tilawah (tajwid) yang tertentu.
Tahap IV	Pelajar-pelajar dapat membaca keseluruhan ayat daripada surah-surah yang dipelajarinya.

Sumber: Cawangan PPPI, JPM.

**Di Tahap Pertama**, pelajar-pelajar perlu mengenal dan boleh membunyikan huruf-huruf *hijā'iyyah* di dalam al-Quran. Ada dua cara mudah untuk mengenal dan membunyikan huruf *hijā'iyyah* iaitu; cara menyebut sesuatu yang sama atau hampir sama dengan huruf-huruf itu, dan satu cara lagi ialah, dengan latih tubi yakni menyebut huruf-huruf tersebut berulang-ulang kali.<sup>118</sup>

Di tahap ini juga, para pelajar perlu mengenal tanda-tanda baris di dalam al-Quran seperti baris di atas, di bawah dan di hadapan. Begitu juga dengan baris dua di atas, dua di bawah dan dua di hadapan. Turut diperkenalkan di tahap ini ialah tanda mati (*sākinah*), tanda *alif* kecil, tanda sabdu (*tasyid*) dan tanda *madd* (panjang).<sup>119</sup> Di samping itu juga, para pelajar perlu mahir membunyikan huruf-huruf tunggal atau huruf-huruf bersambung yang bertanda dengan pelbagai baris pada tahap pertama ini.<sup>120</sup>

<sup>118</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 9.

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> *Ibid.*, h.9-10.

### **2.5.1.3 Bahan Pembelajaran al-Quran Dalam KAFA**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan bahawa setiap pelajar program KAFA di Malaysia amnya dan di Kangar khasnya, hendaklah memiliki Mukaddam atau al-Quran *Mâshâf Rasm 'Uthmânî*.<sup>125</sup>

Di samping itu, buku-buku tambahan seperti; buku *Qirâ'ati*, buku panduan belajar al-Quran dan buku-buku lain yang diperakuan boleh dijadikan bahan tambahan dalam pembelajaran al-Quran (KAFA). Selain itu, bahan-bahan sokongan seperti video pengajaran/bacaan al-Quran, carta-carta ayat dan seumpamanya, dicadangkan oleh Unit Kurikulum tersebut untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran ini.<sup>126</sup>

### **2.5.2 Kaedah P&P Fardu Ain**

#### **2.5.2.1 Pendekatan Pengajaran Fardu ain**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, BAHEIS, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan satu pendekatan yang khusus dalam pengajaran fardu ain. Pendekatan tersebut mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-<sup>127</sup>

- i. Mudah difahami oleh pelajar.
- ii. Diminati oleh pelajar.
- iii. Dapat melibatkan para pelajar.
- iv. Dapat dipraktikkan oleh pelajar.
- v. Dapat dihayati oleh pelajar.
- vi. Dapat mengubah sikap pelajar.

---

<sup>125</sup> *Ibid.*, h. 12.

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> *Ibid.*, h. 14.

Ada lima tahap yang dikehendaki dalam kaedah P&P fardu ain, KAFA untuk setiap guru mengikutinya. Tahap-tahap tersebut adalah seperti di dalam Jadual 2.2.

#### **Jadual 2.2: Tahap-tahap P&P Fardu Ain Dalam KAFA**

Tahap	Kaedah
<b>Tahap I</b>	Mengenal takrif sesuatu amalan dalam ibadat-ibadat tertentu.
<b>Tahap II</b>	Memahami takrif sesuatu amalan dalam ibadat-ibadat tertentu.
<b>Tahap III</b>	Boleh melakukan sesuatu amalan dalam ibadat-ibadat tertentu.
<b>Tahap IV</b>	Memahami sesuatu amalan dalam ibadat-ibadat tertentu
<b>Tahap V</b>	Menghafaz sesuatu konsep, ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis, doa-doa dan seumpamanya.

Sumber: Cawangan PPPI, JPM.

Secara umumnya, pendekatan pengajaran Fardu ain (bagi subjek Asas ‘Ulūm al-Syari’ah, Asas Akhlak Islam, Sirah Rasulullah, Asas al-Lughah al-Arabiyyah dan Asas Jawi/Khat) dalam program KAFA memerlukan kepada beberapa perkara berikut:-<sup>128</sup>

- i. Latihan amali secara kumpulan kecil.
- ii. Latihan amali secara individu.
- iii. Projek berkelompok.
- iv. Projek secara individu.
- v. Membuat analisa terhadap benda-benda yang ada, gambar, ilustrasi dan lain-lain.
- vi. Menghafaz fakta dan ayat al-Quran, Hadith, doa dan seumpamanya.

---

<sup>128</sup> *Ibid.*, h. 14.

### **2.5.2.2 Kaedah P&P Tauhid/Akidah**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan beberapa kaedah P&P bagi program KAFA di Malaysia amnya dan Kangar khasnya, dalam pelaksanaan kurikulum Tauhid/Akidah antaranya:-<sup>129</sup>

- 2.5.2.2.1 Setiap konsep Akidah/Tauhid hendaklah dikaitkan dengan kejadian alam nyata (jika terdapat contoh alam nyata).
- 2.5.2.2.1 Ayat-ayat al-Quran dan Hadith Nabi *s.a.w* perlu dijelaskan mengikut tahap keupayaan pelajar.
- 2.5.2.2.2 Pelajar dibiasakan supaya mengeluarkan fikiran dalam menganalisa sesuatu kejadian Allah *s.w.t.*
- 2.5.2.2.3 Soalan-soalan seperti; Kenapa Allah *s.w.t.* menjadikan...? Apa faedah...kepada manusia dan makhluk lain? Apa sikap kita terhadap kejadian Allah *s.w.t.* tersebut? Apa akan jadi kepada alam/makhluk jika kejadian Allah *s.w.t.* tersebut disalahgunakan? Apakah manusia mampu mencipta perkara-perkara yang dicipta oleh Allah *s.w.t.*?
- 2.5.2.2.4 Pelajar dijelaskan hikmat-hikmat tiap-tiap ciptaan Allah *s.w.t.*(alam, malaikat, para rasul dan lain-lain).
- 2.5.2.2.5 Pelajar dikaitkan sifat-sifat Allah *s.w.t.* dan nama-namaNya dengan kejadianNya.

---

<sup>129</sup> *Ibid.*, h. 15-16.

### **2.5.2.3      Kaedah P&P Ibadat/Fikah**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan beberapa kaedah P&P bagi program KAFA di Malaysia amnya dan Kangar khasnya, dalam pelaksanaan kurikulum Ibadat/Fikah, antaranya:-<sup>130</sup>

- 2.5.2.3.1 Pelajar diberikan kefahaman tentang konsep dan istilah-istilah ilmu Fikah.
- 2.5.2.3.2 Pelajar mempraktikkan cara melakukan sesuatu amalan ibadat secara berkumpulan kecil dan individu.
- 2.5.2.3.3 Pelajar sentiasa dilatih (sehingga mahir sesuatu amalan dan bacaan) supaya menguasai setiap amalan ibadat/Fikah.
- 2.5.2.3.4 Dari masa ke semasa, pelajar dinilai dengan cara mempraktikkan semula amalan-amalan yang telah dipelajari sebelumnya.
- 2.5.2.3.5 Pelajar-pelajar menghafaz ayat-ayat atau bacaan-bacaan yang berkaitan dengan sesuatu amalan ibadat.
- 2.5.2.3.6 Tunjuk ajar melalui media elektronik juga dicadangkan untuk didedahkan kepada para pelajar.

### **2.5.2.4      Kaedah P&P Akhlak**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan beberapa kaedah P&P bagi program KAFA di Malaysia amnya dan Kangar khasnya, dalam pelaksanaan kurikulum Akhlak, antaranya:-<sup>131</sup>

- 2.5.2.4.1 Amalan dan cara melakukan sesuatu sifat positif hendaklah ditunjukkan atau dilakonkan.

---

<sup>130</sup> *Ibid.*, h. 16.

<sup>131</sup> *Ibid.*, h. 17.

- 2.5.2.4.2 Pelajar-pelajar diminta memberi pendapat terhadap nilai sesuatu perlakuan sama ada nilai positif atau nilai negatif.
- 2.5.2.4.3 Setiap sifat (terpuji) yang diajar, disertakan contoh-contoh luaran (orang lain) atau dalaman (pelajar) untuk menambahkan lagi kesahaman mereka.
- 2.5.2.4.4 Aktiviti seperti melukis, menilai benda, menilai gambar, drama dan seumpamanya, dijadikan aktiviti berkumpulan sesama pelajar.
- 2.5.2.4.5 Ayat-ayat al-Quran, hadith, peribahasa atau simpulan bahasa, kata-kata hikmat dan contoh-contoh positif dan negatif perlu dikaitkan dalam setiap pengajaran.

### **2.5.2.5 Kaedah P&P Sirah**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan beberapa kaedah P&P bagi program KAFA di Malaysia amnya dan Kangar khasnya, dalam pelaksanaan kurikulum Sirah, antaranya :-<sup>132</sup>

- 2.5.2.5.1 Cerita-cerita di sebalik fakta-fakta sirah ditonjolkan bagi menguatkan fakta-fakta tersebut.
- 2.5.2.5.2 Contoh-contoh positif setiap watak dalam sirah, dikaitkan dengan sifat pelajar dan juga orang yang hampir dengan pelajar (ibu, ayah, adik beradik dan lain-lain).
- 2.5.2.5.3 Contoh-contoh penentangan terhadap Rasulullah *s.a.w* dan sahabat-sahabatnya disebutkan supaya pelajar berasa benci atau marah, dan di

---

<sup>132</sup> *Ibid.*, h. 17-18.

- masa yang sama perkara-perkara tersebut, akan menambahkan lagi cinta dan kasih para pelajar terhadap Rasulullah *s.a.w* dan para sahabatnya.
- 2.5.2.5.4 Peristiwa-peristiwa dalam sirah, dikait atau dibandingkan dengan situasi semasa pelajar dan masyarakat.
- 2.5.2.5.5 Pelajar-pelajar dilatih agar mampu menceritakan peristiwa-peristiwa, nilai-nilai positif, contoh-contoh Rasulullah *s.a.w.* dan sahabatnya dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

#### **2.5.2.6 Kaedah P&P Bahasa Arab**

Mata pelajaran Bahasa Arab atau dipanggil Asas *al-Lughah al-'Arabiyyah* adalah di antara subjek-subjek yang terkandung dalam Sukatan Pengajian KAFA. Namun begitu, ia masih belum dimasukkan dalam Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK) di Kangar, Perlis.

Namun begitu, bermula pada tahun 2002, mata pelajaran tersebut hanya diletakkan sebagai percubaan bagi UPKK di beberapa buah sekolah di negeri Perlis sebelum ia dilaksanakan secara menyeluruh kelak.<sup>133</sup>

Walaubagaimanapun, kaedah P&P Bahasa Arab, tetap dijelaskan di dalam Buku Huraian Sukatan Pelajaran Pengajian KAFA yang diedarkan oleh JAIPs. Kaedah P&P bagi mata pelajaran Bahasa Arab juga dijelaskan melalui Kursus-kursus Bimbingan Bahasa Arab yang dikelolakan JAIPs.

---

<sup>133</sup> Temubual bersama Encik Mohamad Sabri b. Hj. Bakar, *op. cit.*

Di antara kaedah P&P Bahasa Arab dalam program KAFA, adalah seperti berikut:-<sup>134</sup>

- 2.4.2.6.1 Menyuruh murid-murid menyebut perkataan-perkataan mudah dalam Bahasa Arab dengan sebutan yang betul.
- 2.4.2.6.2 Menyuruh murid-murid menyebut angka-angka dalam Bahasa Arab dengan betul.
- 2.4.2.6.3 Menyuruh murid-murid memperkenalkan diri mereka dengan ayat-ayat mudah dalam Bahasa Arab.
- 2.4.2.6.4 Menamakan tempat-tempat di dalam sekolah dalam Bahasa Arab, seperti pejabat, kantin, perpustakaan, surau, bilik air dan lain-lain.
- 2.4.2.6.5 Mengeluarkan arahan-arahan mudah seperti; Bangun! Masuk! Pegang! Ambil! dan sebagainya dalam Bahasa Arab dan menyuruh murid-murid menurut arahan tersebut.
- 2.4.2.6.6 Melatih murid-murid dengan penggunaan ayat-ayat mudah dalam Bahasa Arab seperti; Apa khabar? Apa nama awak? dan sebagainya.<sup>135</sup>
- 2.4.2.6.7 Menggunakan Kad-kad Perkataan yang dituliskan dengan kalimah-kalimah Arab bagi memperkenalkan anggota-anggota badan, alat-alat yang terdapat dapat kelas dan benda-benda yang wujud di sekitar murid-murid.<sup>136</sup>
- 2.4.2.6.8 Mengabungkan penggunaan Bahasa Arab dalam subjek-subjek lain seperti Tilawah al-Quran, Tauhid, Fikah, Akhlak dan sebagainya dengan

---

<sup>134</sup> Buku Huraian Sukatan Pelajaran Pengajian KAFA - *al-Lughah al-'Arabiyyah* (t.t.), Kangar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, h. 1-3.

<sup>135</sup> Temubual bersama Ustaz Ismail b. Hasan Batu Bara, Guru Pembimbing Bahasa Arab KAFA, Perlis pada 30 Julai 2003.

<sup>136</sup> *Ibid.*

memperkenalkan istilah-istilah tertentu dalam bahasa Arab secara tidak langsung.<sup>137</sup>

- 2.4.2.6.9 Memperkenalkan perkataan-perkataan Bahasa Arab yang terdapat di dalam al-Quran seperti, *al-Fil*, *al-Baqarah*, *al-Najm* dan lain-lain.<sup>138</sup>

#### 2.4.2.7 Kaedah P&P Jawi dan Khat

Kaedah P&P Jawi dan Khat dijelaskan di dalam Buku Huraian Sukatan Pelajaran Pengajian KAFA yang diedarkan oleh JAIPs. Kaedah P&P bagi mata pelajaran Jawi dan Khat juga dijelaskan melalui Kursus-kursus Bimbingan Jawi dan Khat yang dikelolakan JAIPs.

Di antara kaedah P&P Jawi dan Khat dalam program KAFA, adalah seperti berikut:-<sup>139</sup>

- 2.4.2.7.1 Memperkenalkan huruf-huruf Jawi yang akan diajar.
- 2.4.2.7.2 Mencungkil atau menguji pengetahuan murid-murid mengenai huruf-huruf Jawi tertentu.
- 2.4.2.7.3 Menyebut huruf-huruf Jawi yang berkenaan dengan diikuti oleh murid-murid secara keseluruhan, berkumpulan dan individu.
- 2.4.2.7.4 Membuat latih tubi bagi tulisan Jawi. Murid turus boleh digunakan sebagai pembantu guru semasa latih tubi ini.
- 2.4.2.7.5 Memperkenalkan perkataan suku kata terbuka dalam tulisan Jawi seperti; Ibu, Biru, Abu, Ubi, Baju, Buku dan sebagainya.

<sup>137</sup> Temubual bersama Ustazah Che Mah bt. Salleh, Guru Pembimbing Kaedah P&P dan Tilawah al-Quran, KAFA, pada 30 Julai 2003.

<sup>138</sup> Temubual bersama Tuan Hj. Bahador b. Hj. Ayob, *op. cit.*

<sup>139</sup> Buku Huraian Sukatan Pelajaran Pengajian KAFA - Jawi dan Khat (t.t.), Kangar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, h. 14-20.

- 2.4.2.7.6 Memadankan perkataan suku kata terbuka dengan gambar yang disediakan.
- 2.4.2.7.7 Mengeja perkataan suku kata terbuka serta diikuti oleh murid-murid secara kelas, kumpulan dan perseorangan.
- 2.4.2.7.8 Bersoal jawab dan meminta murid untuk membaca perkataan yang berimbahan (ber, ter, dan sebagainya) daripada Kad Perkataan seperti; Tertumpah, Terjatuh dan sebagainya.
- 2.4.2.7.9 Murid-murid diminta menulis jawi di papan hitam atau di buku masing-masing.
- 2.4.2.7.10 Memperkenalkan tanda-tanda bacaan dalam tulisan Jawi (‘, !, dan sebagainya) dengan menggunakan Kad-kad Perkataan.
- 2.4.2.7.11 Memperkenalkan kepada murid-murid, Khat *Nasakh* dan Khat *Thuluth* dengan menulis sesuatu huruf Jawi secara berulang-ulang.
- 2.4.2.7.12 Menyuruh murid-murid menulis teks Jawi dalam tulisan Rumi dan menulis teks Rumi dalam tulisan Jawi.
- 2.4.2.7.13 Mengabunggalinkan penggunaan tulisan Jawi dalam subjek-subjek lain seperti Tilawah al-Quran, Tauhid, Fikah, Akhlak dan sebagainya dengan menulis isi kandungan pelajaran-pelajaran tersebut dalam tulisan Jawi dan Khat *Nasakh* atau *Thuluth*.<sup>140</sup>

Kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran kurikulum fardu ain meliputi mata pelajaran Tauhid, Fikah, Akhlak dan Sirah, *Lughah al-'Arabiyyah*, Jawi dan Khat, memerlukan penglibatan semua pelajar.

---

<sup>140</sup> Temubual bersama Ustazah Che Mah bt. Salleh, *op. cit.*

Pengajaran sehala iaitu guru menjelas, mencerita, menerang, membaca fakta kepada pelajar-pelajar dalam pengajaran fardu ain adalah tidak sesuai. Pelajar dalam hal ini, digerakkan kreativitinya, mindanya, minatnya dan perasaannya ke arah memberi pendapat dan melakukan sesuatu yang berkaitan dengan pelajarannya.<sup>141</sup>

## **2.6 AKTIVITI-AKTIVITI KAFA**

### **2.6.1 Aktiviti Penyelia-Penyelia KAFA<sup>142</sup>**

Di samping tugas dan tanggungjawab yang telah dilakukan para penyelia KAFA di JAIPs, Kangar, mereka juga mengikuti beberapa aktiviti yang diselaraskan oleh pihak pentadbiran KAFA (negeri atau pusat) dari masa ke semasa. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:-<sup>143</sup>

- 2.6.1.1 Kursus Penyelia dianjurkan di JAKIM.
- 2.5.1.1 Kursus kewangan di Pulau Langkawi.
- 2.5.1.2 Lawatan Sambil Belajar Ke Sekolah-sekolah KAFA di Pahang dan Terengganu.<sup>144</sup>
- 2.5.1.3 Kursus Pelaksanaan Buku Sumber KAFA di Pusat Latihan, Bukit Temiang, Perlis..
- 2.5.1.4 Bengkel Penyediaan Soalan Peringkat Negeri Perlis dan Pusat Latihan, Bukit Temiang, Perlis.

<sup>141</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 5.

<sup>142</sup> Aktiviti-aktiviti ini juga turut melibatkan guru-guru KAFA di seluruh negeri Perlis, tetapi penulis mengkhususkan Kangar sebagai lokasi kajian.

<sup>143</sup> Minit Mesyuarat Bahagian Pendidikan, JAIPs, (Rujukan: JAIPs/pend./001/65), pada 9 Januari 2003, h. 1-6.

<sup>144</sup> Lawatan ini bertujuan untuk bertukar-tukar pengalaman, mendapat maklumat terkini tentang perjalanan KAFA dan memberi motivasi kepada peserta. Rujuk: Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 15 Mei 2002.

- 2.5.1.5 Kursus Khas Pelaksanaan UPKK di Pusat Latihan, Bukit Temiang, Perlis.
- 2.5.1.6 Taklimat Pemarkahan UPKK di Pusat Latihan, Bukit Temiang, Perlis.
- 2.5.1.7 Menyelia UPKK di sekolah-sekolah kebangsaan, Kangar pada bulan Oktober setiap tahun.

Aktiviti-aktiviti yang diatur oleh Unit KAFA, JAIPs, dengan bantuan JAKIM ini, adalah selaras dengan objektif KAFA seperti yang dijelaskan di Bab I, di samping memantapkan para penyelia KAFA terbabit, dengan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan program tersebut.

### **2.6.2 Aktiviti Guru-guru KAFA**

Berbagai aktiviti yang dijalankan oleh Unit KAFA, JAIPs, untuk guru-guru KAFA di Kangar, Perlis. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:-<sup>145</sup>

- 2.6.2.1 Kaedah *Iqra'* sebanyak 10 siri di Pusat Latihan Behor Temak, Kangar.
- 2.6.2.2 Kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Pusat Latihan Behor Temak, Kangar.
- 2.6.2.3 Kursus Tahsin al-Quran di Pulau Langkawi.
- 2.6.2.4 Kursus Peningkatan Kemahiran al-Quran<sup>146</sup> di Pusat Latihan Behor Temak, Kangar.
- 2.6.2.5 Lawatan Sambil Belajar (guru-guru pembimbing KAFA) Ke Sekolah-sekolah KAFA di Pahang dan Terengganu.

---

<sup>145</sup> Minit Mesyuarat Bahagian Pendidikan, JAIPs, *op. cit.*, h. 1- 6.

<sup>146</sup> Kursus ini diberikan oleh para pembimbing (guru-guru KAFA yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman dalam bidang tersebut) kepada guru-guru KAFA yang masih baru. Rujuk: Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 15 Mei 2002.

- 2.6.2.6 Kursus Khas Pelaksanaan UPKK Peringkat Negeri (penilai-penilai KAFA)<sup>147</sup> di Pusat Latihan, Bukit Temiang, Perlis.
- 2.6.2.7 Taklimat Pemarkahan UPKK (penilai-penilai KAFA) di Pusat Latihan, Bukit Temiang, Perlis.
- 2.6.2.8 Mengawasi perjalanan UPKK (pada bulan September atau Oktober) di setiap sekolah yang terlibat.

Aktiviti-aktiviti yang diatur untuk guru-guru KAFA di Kangar, Perlis, adalah bagi memastikan objektif KAFA dan objektif kurikulumnya tercapai, melalui kursus-kursus dan taklimat-taklimat yang dinyatakan, di samping memantapkan pengetahuan para guru tentang program KAFA dan pelajaran-pelajaran yang terkandung di dalamnya.

Namun begitu, penulis melihat bahawa kursus-kursus yang disediakan adalah lebih tertumpu kepada pemantapan pembacaan dan pengajian al-Quran para guru, sebaliknya kurang menyentuh pelajaran-pelajaran yang berkaitan dengan fardu ain dalam program tersebut.

### **2.6.3 Aktiviti Murid-murid KAFA**

Beberapa aktiviti yang berkaitan dengan program KAFA juga dijalankan oleh Unit KAFA, JAIPs, Kangar dengan kerjasama guru-guru KAFA terbabit kepada murid-murid KAFA di Kangar, di samping aktiviti-aktiviti luar kelas KAFA yang

---

<sup>147</sup> Penilai ialah guru KAFA yang dilantik oleh Unit KAFA, JAIPs, bagi menilai dan menyelia perjalanan UPKK di sekolah-sekolah kebangsaan. Rujuk: Temubual bersama Encik Mohamad Sabri b. Hj. Bakar, *op. cit.*

dijalankan oleh setiap guru-guru KAFA sebagai praktikal terhadap pelajaran KAFA. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:<sup>148</sup>

- 2.6.3.1 Majlis Ihtifal KAFA Peringkat Kangar di Dataran Jubli Emas, Kangar melibatkan:-
  - 2.6.3.1.1 Kuiz Fardu Ain
  - 2.6.3.1.2 Majlis Tilawah dan Tahfiz
  - 2.6.3.1.3 Pertandingan Nasyid
  - 2.6.3.1.4 Pertandingan Syaran
- 2.6.3.2 Khemah Ibadat<sup>149</sup> anjuran Sekolah-sekolah terbabit.
- 2.6.3.3 Taklimat UPKK (pelajar-pelajar terlibat) di Sekolah-sekolah terbabit.

Aktiviti-aktiviti yang dinyatakan ini, adalah sebagai usaha Unit KAFA, JAIPs, bagi menilai tahap pencapaian murid-murid KAFA di samping memberi motivasi dan galakan kepada mereka untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam program tersebut.<sup>150</sup>

Aktiviti-aktiviti ini juga adalah selaras dengan falsafah KAFA iaitu; bagi melahirkan muslim yang terdidik dengan didikan al-Quran dan Sunah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam yang murni.

---

<sup>148</sup> Minit Mesyuarat Bahagian Pendidikan, JAIPs, *op. cit.*, h. 7-10.

<sup>149</sup> Khemah ibadat ini dianjurkan oleh pihak KAFA peringkat sekolah masing-masing dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti ceramah agama dan motivasi, praktikal solat tahajud dan sunat-sunat yang lain dan sebagainya. Rujuk: Temubual bersama Encik Mohamad Sabri b. Hj. Bakar, *op. cit.*

<sup>150</sup> Minit Mesyuarat Bahagian Pendidikan, JAIPs, *op. cit.*, h. 7.

## **2.7 RUMUSAN**

Program KAFA di Kangar, Perlis bermula pada awal Jun 1990, serentak dengan pelancaran program tersebut di seluruh negara oleh BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, dengan hasrat mewujudkan satu sistem kelas pengajian al-Quran dan fardu ain yang kemas dan seragam.

Program KAFA di negara Malaysia amnya dan di Kangar khasnya, mempunyai falsafahnya yang tersendiri iaitu; “Melahirkan muslim atau mukmin yang sentiasa menghayati dan mengamalkan ajaran Islam serta mempunyai ketahanan diri, emosi dan rohani dalam merealisasi kehidupan yang bahagia di dunia dan akhirat”.

Program KAFA di Kangar, Perlis, mempunyai kurikulumnya tersendiri dan kaedah P&P bagi setiap subjek dalam kurikulum tersebut, adalah berdasarkan garis panduan yang telah diselaraskan oleh BPPI, JAKIM.

Aktiviti-aktiviti KAFA di Kangar, Perlis pula dirancang dan dilaksanakan oleh Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs dengan kelulusan pihak pusat (JAKIM).